

# Tabik hormat

UM - 3 JUN 2001

Oleh FAUZI JAAFAR

TUN Daim letak jawatan! Berita sah itu tersebar luas dan memeranjatkan ramai pihak walaupun segelintirnya telah menjangkakan perkara itu akan berlaku.

Dan selepas ini tiba masanya untuk menadahkan telinga mendengar bukan ratusan malah ribuan spekulasi mengenai menganga bekas Menteri Kewangan itu meletakkan jawatannya.

Mengenali Tun Daim Zainuddin, 62, umpama mengenali perwatakan seorang yang *low profile* dan boleh disamakan dengan perumpamaan 'ubi kayu - diam-diam berisi'. Manusia yang bernama Abdul Daim Zainuddin ini dilahirkan di Derga, Alor Setar Kedah pada 11 November 1938.

Latar belakang kejayaan beliau agak cemerlang dengan memegang beberapa jawatan penting dalam kerajaan mahupun dalam parti.

Pada 1980 hingga 1982 beliau dilantik sebagai senator dan dalam tempoh empat tahun kemudian beliau dilantik sebagai Menteri Kewangan - era bermulanya kegemilangan beliau sebagai pengurus dan pentadbir wang negara. Pelantikan beliau dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad - yang juga sahabat baiknya.

Dalam satu interviu dengan *Mingguan* tahun lepas, Daim memberitahu rumah asalnya bersebelahan dengan rumah PM, dipisahkan oleh sebatang jalan raya. Ia menunjukkan betapa panjang dan rapatnya persahabatan mereka. Mereka datang dari kampung yang sama dan mengenali satu sama lain hampir sepanjang hayat.

Daim bukanlah seorang yang dilahirkan untuk berpolitik. Beliau adalah seorang peguam dan ahli perniagaan. Beliau ketika itu amat berminat dengan politik - tetapi lebih kepada pemerhati sahaja.

Dalam komennya mengenai kedudukan di dalam politik, beliau pernah berkata: "Jika kita inginkan tempat teratas, kita mesti ingat hanya satu sahaja yang layak pada satu masa. Ramai yang memasuki politik untuk itu (tempat teratas). Ini tidak salah, tetapi di dalam masyarakat ini terdapat juga tradisi: Anda tunggu sehingga giliran anda."

Tetapi bagaimana beliau terlibat di dalam politik? Pada tahun 1966, ketika beliau bersama-sama membuka syarikat guaman bersama Allen & Gledhill, Kerajaan Pusat telah melantik firma itu bagi pihak Gabenor Sarawak untuk satu kes.

Dari situ, membuka peluang Daim di persada politik tanah air apabila sentiasa berhubung rapat untuk mengemukakan laporan kepada Perdana Menteri ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak.

Tetapi beliau tidak terus berkecimpung dalam politik kerana katanya: "Saya mahu membangunkan perniagaan saya dahulu." Pada tahun-tahun itu juga Daim yang asalnya 'berdarah perniagaan' menubuhkan firma guamannya Daim & Co.

Antara 1979 dan 1984, beliau merupakan Pengerusi Peremba Bhd., unit Perbadanan Pembangunan Bandar, yang merupakan sebuah daripada syarikat yang mempelopori penglibatan aktif bumiputera dalam entiti senarai awam.

Beliau turut terbabit dalam bidang pemaju hartanah, Taman Maluri dan

Taman Bukit Maluri - tidak hairanlah sehingga kini beliau cukup marah terhadap pemaju yang menaikkan harga rumah sesuka hati ataupun menumpukan kepada rumah-rumah kos mewah atau mengambil tanah taman perumahan untuk dibina rumah.

Daim turut memiliki jumlah saham yang besar dalam United Malayan Banking Corporation (UMBC) dan Malaysian French Bank ketika itu.

Beliau juga menjadi pengerusi Fleet Holdings Sdn. Bhd., sebuah kumpulan media utama, dan Syarikat Televisyen Malaysia Bhd. (TV3).

Pada tahun 1982, selaku Perdana Menteri, Dr. Mahathir telah meletakkan beliau untuk bertanding di kerusi Kuala Muda dan dari sinilah karier politik beliau bermula.

Beliau dilantik sebagai Menteri Kewangan pada 14 Julai 1984 setelah Perdana Menteri menawarkan jawatan itu kepadanya.

Pemilihan Daim sebagai Menteri Kewangan ketika itu dilihat oleh orang ramai mahupun seteru-seteru politik kerana hubungan yang rapat dengan Perdana Menteri.

"Sama ada saya adalah kawan rapat PM adalah sukar untuk saya jawab, tetapi beliau (Dr. Mahathir) adalah Perdana Menteri, saya menghormati beliau."

Tetapi, jawatan Menteri Kewangan itu akhirnya diterima oleh Daim.

Ketika Daim memegang jawatan itu, rezab negara ialah RM9 bilion manakala pinjaman pula ialah RM20 bilion.

"Saya tidak tahu kenapa orang perlu meminjam semata-mata untuk hidup

# untuk Daim

tap, beliau meletakkan jawatannya pada 15 Mac 1991.

Tetapi, rehat beliau itu tidak lama, sekali lagi pada Januari 1999, beliau dilantik semula sebagai Menteri Kewangan Pertama selepas Menteri Kewangan ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada kabinet.

Walaupun beliau berada di luar kabinet selama tujuh tahun sejak 1991, Daim masih aktif terlibat dalam hal ehwal ekonomi negara atas pelantikan beliau sebagai penasihat ekonomi kepada kerajaan.

Contohnya pada 20 Disember 1997, Daim dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Ketika itu ekonomi negara begitu getir sekali ekoran mata wang Asia Tenggara teruk diserang para spekulator.

Semasa beliau dilantik Menteri Kewangan, Daim sudahpun menganggotai kabinet sebagai Menteri Tugas-tugas Khas pada 26 Jun 1998.

Beliau juga ketika itu masih memegang jawatan Bendahari Agung UMNO dan Bendahari Barisan Nasional (BN).

Ketika beliau ditawarkan jawatan Menteri Kewangan Pertama oleh Perdana Menteri, beliau meminta diberikan masa untuk memikirkan kembali.

---

## Umpama belut

Tetapi, sebelum masa yang diberikan habis, Dr. Mahatir terus mengumumkan Daim sebagai Menteri Kewangan Pertama.

Keuntungan syarikat-syarikat korporat selama ini banyak dibantu oleh penetapan mata wang dan IMF mengakui kawalan modal berjaya mengeluarkan Malaysia daripada kemelesetan ekonomi.

Secara sedar atau tidak, Perdana Menteri sebenarnya telah banyak menggunakan Daim untuk merencanak pemulihan ekonomi. Dan ia berjaya.

Daim seolah-olah dilahirkan untuk bermain dengan 'angka-angka' dan menterjemahkannya kepada dasar-dasar dan polisi-polisi kerajaan.

Sebagai orang yang paling berpengaruh dalam dunia perniagaan, bukan sahaja sebagai Menteri Kewangan tetapi juga sebagai seorang usahawan yang berjaya dan disegani.

Kebanyakan polisi dan dasar yang dibuat oleh Daim akan menggabungkan isu-isu perniagaan dan ekonomi yang memberi manfaat kepada kerajaan dan ahli-ahli perniagaan - inilah kelebihanannya.

Dialog-dialog belanjawan diadakan tiga atau empat bulan sebelum belanjawan negara dibentangkan di Parlimen untuk mendapatkan maklum balas daripada sektor perniagaan, agensi-agensi kerajaan, badan-badan sosial dan golongan akademik.

Di bawah Daim, ekonomi Malaysia yang menguncup 7.4 peratus pada 1998, pulih kembali pada 1999 dengan pertumbuhan 5.8 peratus dan 8.5 peratus tahun lepas. Pertumbuhan tahun ini bagi Malaysia diramalkan antara 5.0 dan 6.0 peratus memandangkan kegawatan di Amerika Syarikat.

senang.”

Walaupun menempuh jalan-jalan yang sukar dengan kemelesetan pada tahun 1985, Daim berjaya juga mengharunginya.

Ketika itu, ia merupakan mimpi ngeri Daim: “Ia (kemelesetan) datang begitu cepat selepas saya memegang jawatan tersebut.” Ketika itu beliau berseorangan, berjaya sepanjang malam bagi mengatasi masalah tersebut.

Kegawatan berlaku pada penghujung Rancangan Malaysia Keempat (RMK4). Apabila Malaysia berjaya keluar daripada kemelesetan dan polisi-polisi beliau berjaya, rezab juga turut meningkat.

Polisi beliau yang terkenal ialah, pinjam daripada dalam negeri dan biarkan wang itu berkitar semula untuk dalam negeri.

Sepanjang beliau memegang jawatan itu, beberapa projek penswastan telah dijalankan dan akhirnya berkesan.

Malaysian Airline System Bhd., (MAS) Tenaga Nasional Bhd., (TNB), Airod, Projek Lebuhraya Utara Selatan dan sebagainya adalah contoh kejayaan dasar penswastan. Bukan itu sahaja, Daim telah berjaya menghasilkan ramai usahawan Melayu, korporat-korporat Melayu menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB). Itu tidak dapat disanggah lagi.

Gandingan Dr. Mahathir sebagai pence- tus dasar-dasar ekonomi dan pelak- sananya iaitu Tun Daim telah menghidup- kan ekonomi negara untuk muncul seba- gai salah satu daripada ‘Harimau Asia’, sehinggalah ke hari ini.

Setelah enam tahun memegang jawatan Menteri Kewangan dan merasakan ekono- mi Malaysia benar-benar teguh dan man-

“Daim umpama belut, susah untuk ditangkap,” kata Dr. Mahathir yang me- nguatkan alasan mengapa beliau mengambil keputusan cepat itu.

Sebelum beliau meletakkan jawatannya pada 31 Mei 2001 (setelah 10 bulan me- minta kepada PM untuk berhenti), beliau bertemu dengan kakitangannya dan rakan-rakan baiknya di Perbendaharaan sambil memberitahu beliau benar-benar ‘letih – terlalu letih...’

“Jangan bimbang, ekonomi negara sudah berada tepat pada landasannya, cu- ma jalankan polisi-polisi sedia ada,” nasi- hat Daim pada pertemuan itu.

Pernah pada satu sidang akhbar selepas ekonomi pulih (pada tahun 2000), beliau memberitahu, terdapat beberapa orang yang layak memegang jawatan Menteri Kewangan.

“Saya boleh namakan 100 orang yang layak (sebagai Menteri Kewangan),” katanya.

Mengimbas kembali kegawatan pada tahun 1997 dan 1998, tidak lengkap jika tidak mengaitkan dasar kawalan modal pada 1 September 1998 yang membawa kepada penetapan mata wang ringgit.

Perdana Menteri dan Daim ketika itu bergandingan menolak bantuan Dana Ke- wangan Antarabangsa (IMF) kerana menyedari langkah itu tidak mengun- tungkan negara.

Mereka memperkenalkan kawalan modal yang diumumkan oleh Perdana Menteri, tetapi orang yang merancang kawalan modal itu tidak lain dan tidak bukan ialah Daim Zainuddin.

Penetapan mata wang walaupun pada mulanya dikritik berterusan, tetapi akhirnya berjaya membantu Malaysia ke- luar daripada gelombang besar kega- watan pada 1 September 1998.

Walaupun ramai pihak melaga-lagakan Dr. Mahathir dan Daim ‘yang diam’ dalam beberapa perkara seperti penggabungan bank menjadi 10 kumpulan (Daim dika- takan hanya mahukan enam kumpulan sahaja), pelantikan Gabenor Bank Negara dan kajian semula penetapan ringgit, te- tapi ia hanya satu spekulasi yang tidak berasas sama sekali.

Daim juga dikecam kerana usaha me- nyelamatkan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dengan ada pihak meng- anggap usaha itu adalah untuk menyela- matkan orang tertentu.

Beliau merasa jauh hati apabila tinda- kannya sering dipertikaikan atas alasan menyelamatkan kroninya – sedangkan tin- dakan beliau ialah untuk mengelakkan lebih ramai kakitangan dan pekerja dibuang.

Ramai yang membayangkan Daim merupakan orang di sebalik bayang-ba- yang Perdana Menteri, kerana hubungan mereka yang rapat dalam semua perkara meliputi dalam kerajaan dan juga parti.

Gandingan Mahathir dan Daim benar- benar mantap, walaupun diserang media asing bertalu-talu yang hampir-hampir dipercayai oleh rakyat Malaysia, tetapi semuanya dapat dinafikan oleh Perdana Menteri dan Daim.

Daim telah menerima pelbagai anuge- rah sejak memulakan karier politiknya kira-kira 30 tahun lepas.

Beliau dinamakan ‘Bapa Pembangunan Usahawan Melayu di Malaysia’ oleh Pergerakan Pemuda UMNO pada 1997.

Musuh politik beliau menganggap Daim sebagai ‘orang kedua’ selepas Dr. Mahathir.

Peletakan jawatan beliau merupakan kehilangan pakar ekonomi terbaik di Asia untuk dua alaf.

Tabik hormat untuk Daim.